

21/08/1997

Lawatan Li Peng tingkat kerjasama dua hala

KUALA LUMPUR, Rabu - Lawatan rasmi Perdana Menteri China, Li Peng, ke sini selama empat hari mulai esok akan meningkatkan kerjasama dua hala, selain mengukuhkan keyakinan Malaysia terhadap keikhlasan dan komitmen negara itu untuk membantu kestabilan rantau ini.

Kadatangan pemimpin China itu, yang ditemani isterinya, Zhu Lin, dilakukan atas jemputan rasmi Malaysia menerusi Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang berkunjung ke Beijing, Mei lalu.

Sepanjang lawatan itu, Li Peng akan berpeluang bertukar-tukar pandangan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam mesyuarat delegasi dua hala di Jabatan Perdana Menteri (JPM), petang Jumaat ini.

Rakyat Malaysia khususnya pemimpin kerajaan, duta asing dan pemimpin korporat juga akan dapat mendengar ceramah umum Li Peng anjuran Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR) bertajuk 'Ke arah Hubungan Persahabatan dan Kejiranan yang akrab menuju ke abad 21' pada pagi hari yang sama.

Di samping itu, masyarakat Pulau Pinang juga berpeluang melihat pemimpin itu dari dekat apabila beliau dijadual berkunjung ke negeri itu selama dua hari mulai Sabtu ini.

Sejak awal tahun ini, hubungan China dan Malaysia bertambah kukuh apabila pemimpin kedua-dua negara saling berbalas lawatan. Langkah itu jelas menggembirakan Li Peng yang melahirkan pandangan itu kepada Abdullah ketika mengunjungi China, Mei lalu.

Bagi pihak Malaysia, Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Ja'afar, turut mengukuhkan hubungan dua hala apabila melawat China selama lapan hari Julai lalu, selain kunjungan beberapa Menteri Kabinet bagi mengatur perancangan bagi mengukuh hubungan lebih konkrit di peringkat kerajaan.

(END)